

باب بيان تفاضل الإسلام وأي أموره أفضل

Bab Menerangkan Perbezaan Antara Orang Islam (Di Sisi Allah Dan Di Sisi Manusia) Dan Apakah Perkara Yang Paling Istimewa Dalam Islam.¹⁴⁸

٣٢- عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو أَنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْإِسْلَامِ خَيْرٌ قَالَ تُطْعِمُ الطَّعَامَ وَتَقْرَأُ السَّلَامَ عَلَى مَنْ عَرَفْتَ وَمَنْ لَمْ تَعْرِفْ

32- `Abdullah bin `Amar¹⁴⁹ meriwayatkan bahawa ada seorang lelaki¹⁵⁰ telah bertanya Rasulullah s.a.w.: “(Amalan) Islam yang bagaimanakah yang paling baik?”¹⁵¹ Jawab

Musnadnya juga daripada Abi Juhaifah). Ketika menyatakan makam istiqamah Nabi s.a.w. telah bersabda: استقيموا ولن تحصوا واعلموا أن من أفضل أعمالكم الصلاة ولا يحافظ على الوضوء إلا مؤمنٌ Bermaksud: “Cubalah beristiqamah (dengan melakukan keta’atan secara tetap dan berterusan) sedapat mungkin, meskipun kamu tidak akan mampu melakukannya dengan sempurna. Ketahuilah sesungguhnya antara amalan kamu yang paling utama ialah sembahyang. Dan tidak dapat menjaga wudhu’ dengan sebaik mungkin kecuali orang mu’min (yang sempurna imannya).” (Hadits riwayat Malik, Ibnu Majah, Abu Daud at-Thayaalisi, Ahmad, Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani, Sa’id bin Manshur, Baihaqi dan lain-lain). **Antara kesimpulan yang dapat** dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Agama Islam itu perlu dipelajari selok-beloknya. (2) Bertanya ialah salah satu cara untuk mendapat ilmu. (3) Adalah lebih baik mencari seorang yang betul-betul boleh menjawab sesuatu persoalan yang hendak dikemukakan. (4) Tidak salah meminta jenis jawapan yang tertentu daripada seseorang yang ditanya. (5) Keharusan meminta sebuah jawapan yang mu’tamad. (6) Banyak bertanya adakalanya menunjukkan seseorang itu tidak pandai memilih pertanyaan untuk ditanya. (7) Nabi Muhammad s.a.w. ialah orang yang paling tahu tentang agama Islam. (8) Tidak ada gunanya berada di atas jalan yang benar buat seketika sahaja. (9) Istiqamah adalah satu sifat yang terpuji dan ia selalunya membuahkan kejayaan. (10) Seseorang itu perlulah memastikan dia melakukan perkara yang betul sebelum dia berpegang teguh dan tetap dengannya. (11) Berpegang teguh dengan kebenaran akan membuahkan kejayaan, manakala berpegang teguh dengan kebathilan pula sudah pastinya akan membawa kegagalan.

¹⁴⁸ Inilah tajuk yang dibuat oleh Imam Nawawi dan juga Qadhi `Iyaadh. Al-Ubbi dan al-Sanusi membuat tajuk begini: باب أي الإسلام خير (Bab Amalan Islam Yang Bagaimanakah Yang Terbaik). Al-Qurthubi pula memasukkan bab ini di bawah tajuk bab sebelumnya yang berbunyi: باب الاستقامة (Bab Istiqamah Dalam Islam Dan Apakah Pekertinya Yang Terbaik). Al-Itsyubi pula membuat tajuk begini: باب أي خصال الإسلام خير؟ وأي المسلمين أفضل؟ (Bab Berkenaan Dengan Apakah Pekerti Islam Yang Terbaik? Dan Orang Islam Yang Bagaimanakah Yang Terbaik?).

¹⁴⁹ Beliau ialah `Abdullah bin `Amar bin al-`Aash bin Waa’il bin Sahm al-Sahmi al-Qurasyi, Abu Muhammad, ada juga yang memanggil beliau Abu `Abdir Rahman. Beza usia `Abdullah dan bapanya `Amar hanyalah sebelas tahun. `Abdullah termasuk di kalangan orang-orang yang memeluk Islam di peringkat awal. Beliau adalah salah seorang sahabat Nabi s.a.w. yang banyak ilmunya. Beliau juga seorang ahli feqah yang terbilang. Ada yang mengatakan beliau memeluk

Baginda, “Engkau memberi makan¹⁵² dan mengucapkan salam kepada orang yang engkau kenali dan orang yang tidak engkau kenali.”¹⁵³

٣٣- عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ يَقُولُ إِنَّ رَجُلًا سَأَلَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَيُّ الْمُسْلِمِينَ خَيْرٌ قَالَ مَنْ

سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

33- `Abdullah bin `Amar bin al-`Aash meriwayatkan, katanya: “Ada seorang lelaki telah bertanya Rasulullah s.a.w.: “Orang Islam yang bagaimanakah yang paling baik?”¹⁵⁴ Jawab Baginda, “Orang yang mana orang-orang Islam lain selamat daripada (gangguan) lidahnya¹⁵⁵ dan tangannya.”¹⁵⁶

Islam sebelum bapanya lagi. Dahulunya beliau tinggal di Mekah, kemudian pergi ke Syam dan menetap di sana sehinggalah beliau meninggal dunia di Mesir. Ada yang mengatakan beliau meninggal dunia di sebuah kampung bernama `Ujlaan di Syam yang terletak berhampiran Gaza di Palestin. Ada yang mengatakan `Abdullah meninggal dunia di Thaa'if dan ada juga yang mengatakan beliau meninggal dunia di Mekah.

¹⁵⁰ Namanya tidak dapat dipastikan.

¹⁵¹ Paling berfaedah untuk dunia dan akhirat seseorang.

¹⁵² Kepada orang-orang yang memerlukan.

¹⁵³ Maksudnya ialah salam itu perlu diucapkan kepada sesiapa sahaja yang ditemui tanpa mengira orang itu dikenali atau tidak, bukannya hanya diucapkan kepada orang yang dikenali sahaja seperti yang dilakukan oleh kebanyakan orang. Walaupun begitu, arahan umum ini hanya khusus untuk orang-orang Islam sahaja, tidak perlu diucapkan salam kepada orang kafir. Jawapan Rasulullah s.a.w. apabila dikemukakan soalan tidak tetap. Ia bergantung kepada individu yang datang menemuinya dan juga suasana semasa. **Antara kesimpulan yang dapat** dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Bertanya itu adalah ubat kejahilan. (2) Tidak semua orang yang menemui Rasulullah s.a.w. itu dikenali oleh para sahabatnya. (3) Tidak menjadi kesalahan kepada seorang ra'yat biasa menemui seorang tokoh yang terbilang untuk bertanyakan sesuatu kepadanya. (4) Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang merendah diri. Baginda tidak kisah melayan pertanyaan seorang ra'yat biasa yang tidak dikenali oleh para sahabatnya. (5) Seorang yang terbilang, berkedudukan atau kaya tidak harus bersikap sombong dengan tidak mahu menemui seorang ra'yat biasa atau hanya mahu bertemu dengan orang-orang yang sepertinya sahaja. (6) Bertanyalah kepada orang-orang yang mengetahui tentang sesuatu perkara sekiranya anda tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. (7) Mengucapkan 'Assalamu 'alaikum' kepada orang Islam yang dikenali atau tidak adalah ajaran Islam. (8) Ucapan salam kepada seseorang melambangkan kita tidak berniat buruk terhadapnya. (9) Ucapan salam daripada orang Islam hanya khusus untuk orang Islam sahaja. (10) Seorang muslim haruslah bersifat pemurah dan mendatangkan faedah kepada orang muslim yang lain.

¹⁵⁴ Ya'ni yang sempurna Islamnya, bukanlah ia berma'na orang yang tidak bersifat dengan sifat yang disebutkan itu bukan beragama Islam.

¹⁵⁵ dalam bentuk maki-hamun, sumpah-seranah, tuduhan melulu, ejekan, kesaksian palsu, umpat-mengumpat dan seumpamanya.

¹⁵⁶ Yakni orang yang tidak menyakiti seorang muslim yang lain dengan kata-katanya dan perbuatannya. 'Tangan' disebutkan secara khusus kerana kebanyakan perbuatan itu dilakukan

باب بيان الخصال التي يجد بها المرء حلاوة الإيمان

*Bab Perkara-Perkara Yang Menyebabkan Seseorang Merasai Kemanisan Iman.*¹⁵⁷

٣٤ - عَنْ أَنَسٍ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ بِهِنَّ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ مَنْ كَانَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ وَأَنْ يَكْرَهُ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ بَعْدَ أَنْ أَنْقَذَهُ اللَّهُ مِنْهُ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقَذَفَ فِي النَّارِ

34- Anas meriwayatkan, Nabi s.a.w bersabda: “Tiga perkara, jika ada pada seseorang, tentu ia akan merasai kemanisan iman.¹⁵⁸ (Pertama): Orang yang menyintai Allah dan

dengannya. Di dalam al-Qur'an banyak sekali perbuatan dan usaha manusia dikaitkan dengan tangan. **Antara kesimpulan yang dapat** dipetik daripada hadits ini ialah: (1) Seorang muslim itu hendaklah berusaha untuk menjadi orang Islam yang terbaik. (2) Seorang Islam itu perlu menjaga ketenteraman awam dan keselamatan orang-orang lain di sekelilingnya. (3) Adakalanya Rasulullah s.a.w. memberikan sebuah jawapan yang sesuai dengan orang yang berada di hadapannya. (4) Orang Islam tidak dibenarkan menyakiti orang Islam yang lain melalui apa jua cara sekali pun, sama ada secara fizikal atau mental. (5) Islam adalah sebuah agama yang mengutamakan kedamaian dan keharmonian.

¹⁵⁷ Qaadhi 'Iyaadh, Imam Nawawi dan kebanyakan penyusun kitab matan Sahih Muslim membuat tajuk begini: باب بيان خصال من اتصف بهن وجد حلاوة الإيمان (Bab Tentang Beberapa Perkara, Bila Seseorang Bersifat Dengannya Dia Akan Mendapat Kemanisan Iman) untuk hadits Anas di bawah ini. Al-Ubbi membuat tajuk: باب محبة الله والحب في الله (Bab Cinta Kepada Allah Dan Cinta Kerana Allah). Imam as-Sanusi hanya membuat tajuk begini saja: باب منه (Bab Yang Merupakan Fasal Bagi Bab Sebelumnya). Hadits Anas ini juga termasuk di bawahnya. Imam al-Qurthubi pula membuat tajuk begini: باب من يذوق طعم الإيمان وحلاوته (Bab Orang Yang Merasai Iman Dan Kemanisannya).

¹⁵⁸ Sabda Nabi s.a.w. ini merupakan talmih (isyarat secara halus) kepada perihal deria rasa orang sihat atau orang yang mengidap penyakit kuning dan seumpamanya. Kepada orang yang mengidap penyakit kuning, segala-segalanya dirasakan pahit. Madu yang manis sekalipun dirasainya pahit. Orang yang betul-betul sihat pula merasai sesuatu tepat seperti rasa sebenarnya. Masin dirasainya masin, kelat dirasainya kelat, pahit dirasainya pahit, manis dirasainya manis dan begitulah seterusnya. Semakin sihat seseorang itu, semakin tepatlah pula deria rasanya. Sebaliknya apabila kesihatan seseorang merosot, turut merosotlah deria rasanya. Begitulah juga keadaan iman. Semakin sempurna iman seseorang, semakin terasa manislah kepadanya iman itu. Sebaliknya apabila iman seseorang tidak sempurna, kemanisannya juga akan semakin berkurang. Malah kadang-kadang dalam keadaan penyakit yang menimpa terlalu teruk, deria rasa menjadi bercelaru dan tidak menentu. Yang manis dikatanya pahit! Bak kata al-Mutanabbi (seorang penyair Arab yang terkenal): يَجِدُ مُرًّا بِهَ الْمَاءُ الزَّلَالَا Bermaksud: “Orang sakit yang pahit mulut, akan berasa pahit, walaupun air yang jernih lagi sedap diminum.” Seolah-olahnya Rasulullah s.a.w. hendak mengatakan: Kesihatan rohani adalah sesuatu yang mesti dan